

**ELEMEN PEMBINAAN AKHLAK AL-IMAM AL-GHAZALI
MENERUSI KARYA KLASIK *KALILAH WA DIMNAH******Raihan Marzuki¹, Pabiyah Hajimaming@Toklubok²*****ABSTRAK**

Situasi pergolakan yang melanda kerajaan Abbasiyyah telah mendorong Abdullah Ibnu al-Muqaffa menggerakkan usaha menterjemah kitab *Kalilah Wa Dimnah* dari bahasa Parsi ke dalam bahasa Arab. Usaha tersebut bertujuan mengembalikan kesedaran para pemimpin serta masyarakat Abbasiyyah dengan menjadikan kitab *Kalilah Wa Dimnah* sebagai 'medium' mendidik dan menyalurkan nilai murni. Kitab *Kalilah Wa Dimnah* merupakan karya klasik arab yang terkenal dan memiliki pengaruh besar dalam sejarah kesusasteraan Islam. Kemunculannya telah memacu gaya penulisan prosa Arab menggunakan dialog dan watak haiwan sebagai latar dengan tujuan memperbaiki dan membina akhlak manusia. Keistimewaan ini menjadikan kitab *Kalilah Wa Dimnah* memiliki nilai peradaban yang tinggi dan tarikan yang tersendiri. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji aspek nilai murni yang terdapat dalam kitab *Kalilah Wa Dimnah* berdasarkan elemen pembinaan akhlak yang diperkenalkan oleh Al-Imam Al-Ghazali r.a. Metode analisis data melibatkan analisis kandungan teks digunakan bagi mendapatkan kesimpulan terperinci tentang pecahan nilai murni yang terkandung di dalam setiap gagasan pemikiran yang cuba diketengahkan. Pelbagai aspek nilai murni dikenalpasti dan diklasifikasi bersandarkan empat elemen penting iaitu *al-Hikmah* (kebijaksanaan), *al-Syaja'ah* (keberanian), *al-'Iffah* (kesucian) dan *al-'Adlu* (keadilan). Matlamat akhir pendekatan al-Imam al-Ghazali r.a. dijadikan rujukan untuk menunjukkan manfaat kitab *Kalilah Wa Dimnah* khususnya dalam mendidik jiwa menerusi penerapan nilai murni yang menjadi tunjang pembentukan akhlak manusia sejagat. Di samping mengetengahkan keupayaan prosa Arab berbentuk kisah (*al-Qissah*) sebagai medium penting dalam pembentukan akhlak, ia bagi memastikan kelangsungan mesej yang dibawa dapat diterjemah dengan jelas untuk kefahaman dan manfaat pembaca.

Kata kunci: *Kalilah Wa Dimnah*, Abdullah Ibnu al-Muqaffa, Al-Imam al-Ghazali r.a, zaman Abbasiyyah, nilai murni.

ABSTRACT

The situation turbulence that hit the Abbasid empire has created a deep passion to Abdullah Ibnu al-Muqaffa to mobilize efforts to translate the book of *Kalilah Wa Dimna* from Persian into Arabic. These efforts aim to restore awareness and community leaders to make the book *Kalilah Wa Dimna* as a 'medium' to educate and disseminate values. *Kalilah Wa Dimna* book is the work of famous classical Arabic and have a major influence in the history of Islamic literature. Its presence has spurred Arabic prose writing style using dialogue and character of the animal as a background with the aim to improve and develop human morality. This feature makes *Kalilah Wa Dimna* has a high civilization values and attractions of its own. This study aims to investigate aspects of the moral values found in the book of *Kalilah wa Dimna* under cultivation element introduced by Al-Imam Al-Ghazali r.a. The method of data analysis involves the analysis of text content is used to obtain detailed conclusions about the breakdown of moral values implicit in the idea of thinking in every

¹ Pusat Diplomasi Bahasa Dan Budaya, Institut Diplomasi Dan Hubungan Luar Negeri, Kementerian Luar Negeri, raihanmarzuki@idfr.gov.my.

² Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, pabiyah@upm.edu.my

point raised. Various aspects of moral values have been identified and classified based on the four key elements, namely as *al-Hikmah* (wisdom), *al-Syaja'ah* (courage), *al-'Iffah* (purity) and *al-Adlu* (justice). The goal of the approach end of al-Imam al-Ghazali r.a. as a reference to show the benefits of the book *Kalilah Wa Dimna* especially in educating people through the application of moral values which are the backbone of moral development of mankind. In addition to highlighting the capabilities of Arabic prose (al-Qissah) as an important medium in the formation of character, it also ensure the continuity of the message conveyed can be translated for understanding and benefit the reader.

Keywords: *Kalilah Wa Dimna*, Abdullah Ibnu al-Muqaffa, Al-Imam al-Ghazali r.a, the Abbasid era, moral values.

PENDAHULUAN

Kerajaan Abbasiyyah yang berkembang selama 524 tahun berakhir pada tahun 656H (Ahmad Shalabi, 1970) disebabkan oleh kelemahan pemerintahnya sendiri (Al-Fakhuri 1991). Penyelewengan dan kezaliman yang berleluasa telah menyebabkan tekanan dan kemelaratan hidup dalam kalangan rakyat (Abdul Majid 1992: Al-Thubaity 2006). Keadaan ini telah mencetuskan perasaan tidak puas hati dalam kalangan bangsa Arab sehingga menyumbang kepada kejatuhan kerajaan Abbasiyyah. Bagi mengembalikan kesedaran dalam kalangan para pemerintah, pelbagai bentuk kritikan dan nasihat diluahkan dalam bentuk penulisan (Al-Hurr, 1992). Pergolakan yang melanda negara telah menimbulkan semangat yang mendalam kepada Abdullah Ibnu al-Muqaffa untuk menterjemah kitab *Kalilah Wa Dimnah* dari bahasa Parsi ke dalam bahasa Arab (Al-Fakhuri, 1991). Kajian Aidah Iwadh (1982) membuktikan wujudnya hubungan antara situasi sekeliling dengan nilai yang ingin dicetuskan oleh pengarang di dalam menghasilkan karya mereka. Dapatan ini sejajar dengan usaha penterjemahan kitab *Kalilah wa Dimnah* oleh Abdullah Ibnu al-Muqaffa yang dianggap sebagai satu bentuk kritikan sosial, bertujuan untuk mengkritik penguasa Abbasiyyah di samping menggambarkan realiti sebenar yang terjadi pada masa itu (Bertens, 2002). Tujuan asal kitab *Kalilah Wa Dimnah* dikarang adalah untuk menyalur teguran dan menerapkan nilai murni dalam kalangan pemerintah dan masyarakat (Al-Thubaity, 2006). Terdahulu kitab *Kalilah Wa Dimnah* dikarang untuk dipersembahkan kepada raja India yang pernah bertindak zalim; maka begitulah juga usaha menterjemah kitab tersebut oleh Abdullah Ibnu al-Muqaffa. Ia ditujukan khusus kepada Khalifah Abu Jaafar al-Mansur, khalifah Abbasiyyah ketika itu (Al-Fakhuri, 1991). Usaha beliau bertujuan menjadikan kitab *Kalilah Wa Dimnah* sebagai 'medium' mendidik jiwa dengan menyalurkan nilai murni terhadap para pemimpin serta masyarakat Abbasiyyah.

MENGENAI KITAB *KALILAH WA DIMNAH*

Kitab *Kalilah Wa Dimnah* merupakan karya sastera klasik terkenal hasil terjemahan Abdullah Ibnu al-Muqaffa (106H-142H); seorang sasterawan dan pelopor prosa Arab tersohor pada zaman Abbasiyyah yang berasal dari Parsi (Al-Rafie,1968). Karya beliau dipilih sebagai bahan utama kajian disebabkan pengaruhnya yang besar dalam sejarah perkembangan kesusasteraan Islam. Kitab *Kalilah Wa Dimnah* terkenal sejak dua ribu tahun yang lalu dan masih menjadi tarikan pembaca di seluruh dunia Arab (Lunde, 1972). Karya terjemahan Abdullah Ibnu al-Muqaffa menggunakan terjemahan bebas yang tidak terikat dan beberapa bahagian baru dalam terjemahannya disesuaikan selaras dengan ajaran yang terdapat dalam Islam, agar selari dengan selera sasterawan tempatan pada waktu itu (Khalid, 1989).

Kitab *Kalilah wa Dimnah* dikenali sebagai 'Panchatantra' dalam kalangan masyarakat Hindu (Al-Subayel, 2007) atau 'Five Discourses' yang membawa maksud 'Lima Cerita Haiwan'. Ia turut dikenali sebagai 'Aesop's Fable' atau 'Cerita Dongeng' dalam masyarakat Greek (Hancock, 2004). Karya ini pada asalnya merupakan sebuah karya Hindu yang disusun secara kemas dalam bahasa Sanskrit oleh ahli falsafah bernama *Baidaba*, untuk memenuhi permintaan seorang raja India yang dikenali sebagai Maharaja *Dabsyalim* (Osman Khaled, 1989; Al-Subayel, 2007). Pada awalnya, kitab ini telah diterjemah daripada bahasa Sanskrit ke dalam bahasa Parsi oleh *al-Barzawy*, seorang tabib kepercayaan Raja Anusyirwan (Al-Muqaffa, t.t.) dan diberi judul *Kalile va Demne* (Roziyah & Mat, 2012). Abdullah Ibn al-Muqaffa merupakan individu yang bertanggungjawab menterjemah kitab tersebut dari bahasa Parsi ke dalam bahasa Arab dan memperkenalkannya dengan nama *Kalilah Wa Dimnah* (Denys Johnson-Davies, 2003). Judulnya diambil sempena nama dua ekor serigala yang menjadi watak utama dalam kisah yang pertama (Lunde, 1972). Kitab *Kalilah Wa Dimnah* merupakan karya berbentuk kisah teladan bertema haiwan yang sarat dengan nilai murni (Syalabi, 1970). Sehingga kini kitab *Kalilah Wa Dimnah* telahpun diterjemah ke dalam bahasa Yunani, Perancis, Sepanyol, Itali, Belanda, Jerman, dan Inggeris (Radzi, 2008). Menurut Lunde (1972), kitab *Kalilah Wa Dimnah* turut diterjemah ke bahasa Greek, bahasa Latin, *Old Church Slavic* dan Jerman. Versi dalam bahasa Arab juga turut diterjemah ke dalam bahasa Syria, Turki, Melayu, Jepun, Siam, dan Ethiopia. Pada abad ke 19, *Kalilah Wa Dimnah* telah diterjemah ke dalam bahasa Hindustan, sekaligus melengkapkan satu pusingan yang telah bermula sejak 1,700 tahun sebelum ini, di Kashmir (Lunde, 1972).

Kisah bertema haiwan yang diterjemah di dalam hampir semua bahasa di dunia ini memiliki daya tarikan tersendiri. Menurut Kartina (2012) dan Madiawati Mamat (2009), penggunaan tema haiwan sebagai watak utama dalam menyalurkan mesej utama adalah lebih berkesan berbanding cerita biasa. Ia dianggap unik dan lebih efektif. Al-Zayyat (1999) menyebut, penggunaan watak haiwan dalam kitab *Kalilah Wa Dimnah* merupakan strategi untuk melahirkan kesedaran dan memberi pengajaran kepada para pemimpin ketika itu. Meskipun menggunakan watak haiwan, namun idea dan mesej yang disampaikan menggambarkan realiti sebenar yang berlaku dalam kehidupan manusia. Watak haiwan yang dipaparkan menonjolkan pelbagai simbol tertentu mewakili kepelbagaian sikap seperti keberanian, kesetiaan dan kebijaksanaan (Nurhasma, 2012). Ciri ini memudahkan pembaca memahami mesej dan mencerna nilai murni yang cuba diserapkan menerusi pembacaan.

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini bertujuan untuk mengklasifikasi tema dan mengkaji aspek penerapan nilai murni yang terdapat dalam kitab *Kalilah Wa Dimnah* berdasarkan elemen pembinaan akhlak yang diperkenalkan oleh Al-Imam Al-Ghazali r.a.

BATASAN KAJIAN

Menurut Sukron Kamil (2008), Abdullah Ibnu al-Muqaffa menterjemah kitab *Kalilah Wa Dimnah* dan membuat penambahan cerita pokok dan sisipan di dalamnya. Kitab *Kalilah Wa Dimnah* menghimpunkan sebanyak enam belas kisah. Lima kisah di dalamnya adalah hasil karangan asal *Baidaba* iaitu kisah باب الاسد والثور (*Singa dan Lembu*), kisah باب الحمامة المطوقة (*Merpati Berkalung*), kisah باب البوم والغريبان (*Burung Hantu dan Gagak*), kisah باب القرد والغيلم (*Kera dan Kura-kura*) dan kisah باب الناسك وابن عرس (*Ahli Sufi dan Serigala*) (Yulianingrum, 2000). Manakala sebelas lagi merupakan kisah sisipan yang dikarang sendiri oleh Abdullah Ibnu al-Muqaffa (Ismail, 1998; Marroum, 2011).

Menurut Syed Arabi Idid menerusi *Kaedah Penyelidikan Komunikasi Dan Sains Sosial* (2002), pemilihan sebahagian daripada keseluruhan sampel untuk sesebuah kajian sudah dianggap mewakili keseluruhan sampel dan akan menghasilkan kesimpulan yang sama. Justeru melalui kajian ini penyelidik memilih 9 kisah sahaja dari kitab *Kalilah Wa Dimnah* untuk dikaji. Pemilihan ini adalah berdasarkan kepada tema utama yang mengandungi nilai murni berbeza yang paling mendominasi penceritaan.

DEFINISI OPERASIONAL

Berikut dijelaskan beberapa definisi bagi perkataan atau ungkapan yang digunakan di dalam kajian ini:

Nilai murni

Nilai baik yang perlu ada pada setiap individu supaya segala tindakan mereka tidak menyeleweng dari norma-norma sosial dalam masyarakat. Ini termasuklah nilai seperti keikhlasan, kesetiaan, kejujuran, kesabaran, amanah, syukur, tawakkal, redha serta bertanggungjawab.

Fabel

Kisah pendek dengan haiwan sebagai wataknya, yang bertujuan untuk menyampaikan nilai murni kepada pembaca.

SOROTAN KAJIAN

Pembinaan akhlak merupakan dasar utama dalam rangka mewujudkan kebaikan sebagai suatu yang dominan dalam kehidupan di dunia ini. Dalam menentukan nilai akhlak yang harus dimiliki oleh seorang Muslim, Islam menjadikan Al-Quran dan hadis sebagai sumber rujukan utama. Menurut Latifah (2012) akhlak individu berkait rapat dengan pembentukan jati diri seorang muslim hasil dari penerapan nilai murni dalam kehidupan mereka. Isu pembinaan akhlak menerusi penerapan nilai murni tidak boleh dipandang remeh. Islam menggariskan kaedah tertentu yang mendokong ketinggian nilai manusia melalui pembinaan akhlak berlandaskan Al-Quran dan hadis Nabi SAW (Mahmood, 1988). Menerusi kajian ini, penyelidik mengkaji aspek nilai murni yang diterapkan dalam kitab *Kalilah Wa Dimnah* dengan didasari oleh pendekatan dalam pembinaan akhlak sebagaimana yang diperkenalkan oleh Al-Imam al-Ghazali r.a menerusi karangan beliau yang terkenal *Ihya Ulum Al-Din* (2000).

Beberapa kajian empirikal mengenai konsep nilai murni telah dijalankan dengan mengaplikasi elemen pembinaan akhlak oleh Al-Imam al-Ghazali r.a. Fathur Rohman Arifin (2012) mendeskripsi konsep pembentukan akhlak dalam lingkungan keluarga berlandaskan pendekatan Al-Imam al-Ghazali r.a. Konsep ini dirumus dan diperinci mengikut skop pendidikan akhlak terhadap Allah SWT, akhlak terhadap orang tua, akhlak terhadap diri sendiri dan orang lain (Arifin, 2012). Kajian Khairani Zakariya (2012) pula mengkaji sejauh mana kaedah pembinaan akhlak yang diperkenalkan oleh Al-Imam al-Ghazali r.a diaplikasi dalam program tarbiah di sekolah-sekolah menengah aliran agama berasrama di negeri Kedah, Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah pembinaan akhlak tersebut berkesan diamalkan oleh para pendidik dalam program tarbiah sekolah agama di negeri Kedah dengan skor min keseluruhan sebanyak 4.21, iaitu pada tahap yang tinggi (K. Zakaria, 2012).

Kajian analisis terhadap nilai murni melibatkan prosa klasik Arab juga telah dijalankan. Bagaimanapun usaha bagi membuktikan keupayaan prosa berbentuk kisah (*al-Qissah*) sebagai medium menyalurkan nilai murni kepada masyarakat masih kurang dijalankan. Sedangkan kajian Fatin Salim (2010) membuktikan bahawa prosa berbentuk kisah

(*Al-Qissah*) menduduki tempat teratas sebagai medium berkesan dalam mendidik insan. Menurut Al-Hayik (1990) kesemua unsur nilai yang terkandung dalam sesebuah karya akan hanya dicerna pembaca iaitu sebanyak 69.90% apabila kisah yang diolah adalah dalam bentuk *al-hiwar* atau perbualan; berbanding kisah yang diolah dalam bentuk penceritaan secara langsung (Al-Hayik, 1990). Kisah dalam kitab *Kalilah Wa Dimnah* adalah dalam bentuk *al-hiwar*. Justeru, aspek ini hampir menepati konsep tersebut dalam memaksimumkan pencernaan nilai murni dalam kalangan pembaca.

Beberapa kajian sebelum ini telahpun dijalankan ke atas kitab *Kalilah Wa Dimnah*. Namun kajian yang dijalankan lebih berbentuk kajian analisis perbandingan dan penterjemahan terhadap terjemahan teks dari kitab *Kalilah Wa Dimnah*. Kajian tersebut lebih memfokuskan kepada aspek ketepatan dan keaslian kitab *Kalilah Wa Dimnah* berbanding kitab terjemahannya yang lain. Wafa Ibrahim Al-Subayel (2007) mengkaji perbandingan di antara kitab *Kalilah Wa Dimnah* terjemahan Abdullah Ibnu al-Muqaffa dan terjemahan dalam bahasa Greek bertajuk 'Aesop's Fable' (Al-Subayel, 2007). Kajian Ramadhan Aziz Najjad (1967) pula melibatkan analisis perbandingan antara kitab *Kalilah Wa Dimnah* hasil terjemahan Abdullah Ibnu al-Muqaffa dengan kitab *Anwar al-Suhaili* terjemahan Al-Kashif (Najjad, 1967). Anne Yulianingrum (2000) juga menjalankan analisis perbandingan namun melibatkan terjemahan dari dua versi bahasa yang berbeza; iaitu Arab dan Melayu (Yulianingrum, 2000). Fokus kesemua kajian tersebut adalah mengkaji unsur persamaan dan perbezaan dari pelbagai aspek. Hasil analisis membuktikan kitab terjemahan tersebut berkongsi nilai penceritaan yang sama walaupun berbeza cara penyampaiannya. Unsur persamaan dikenalpasti dalam watak, suasana, dialog, teknik dan struktur naratif yang melibatkan beberapa plot dalam penceritaan, urutan sekuen, kronologi dan logik. Manakala unsur perubahan wujud pada awal dan akhir kisah melibatkan plot penceritaan, nama tokoh, struktur serta latar penceritaan. Terdapat pengurangan dalam beberapa bab asal dan penggunaan kisah. Beberapa perumpamaan dan syair dari Parsi juga turut diketengahkan bagi menggantikan perumpamaan dan syair Arab sebelum ini.

Kajian lain melibatkan kitab *Kalilah Wa Dimnah* turut dilakukan dengan mengetengahkan unsur perumpamaan (*al-Tashbih*) dalam teks (Jasul, 2000). Namun, melibatkan beberapa plot penceritaan sahaja. Masih banyak plot lain yang boleh diketengahkan. Beberapa kajian lain berbentuk analisis deskriptif dijalankan bertujuan mengenalpasti unsur intrinsik dalam pembinaan struktur penceritaan (Habib, 2007; Farid, 2010). Dengan didasari *Teori Strukturalisme*, unsur pembinaan karya seperti tema, plot, situasi dan penggunaan watak utama dikaji. Aspek didikan turut dikenalpasti namun dinyatakan secara umum tanpa memperincikan tema nilai murni pada setiap satunya. Kajian-kajian tersebut didapati mengkhususkan kepada satu bab sahaja sebagai bahan data. Oleh yang demikian aspek nilai yang dihasilkan juga terhad, sedangkan masih banyak aspek nilai murni yang boleh dikupas secara terperinci dari teks.

Kajian lain berkaitan karya bertemakan haiwan dijalankan. Menurut Susan Na'im (2006) kebanyakan karya sastera pada kurun ke lima Hijrah dihasilkan oleh sebab situasi dan desakan sosial masyarakat ketika itu. Sebahagian besar karya ini didatangkan dalam bentuk kisah bertema haiwan yang mengandungi kritikan terhadap pemikiran, politik dan isu-isu sosial (Al-Halu, 2006). Kajian ini mempunyai persamaan dari aspek penggunaan haiwan sebagai watak dalam penceritaan. Noor Zanariah (2013) mengenalpasti strategi kebijaksanaan watak haiwan dalam menyelesaikan konflik menerusi kisah bertema haiwan. Analisis kandungan menggunakan pendekatan *psikologi humanistik* oleh Abraham Maslow membuktikan falsafah dan pemikiran yang digambarkan menerusi kebijaksanaan watak haiwan membawa unsur pengajaran dan hiburan kepada pembaca. Menurut Nurhasma dan Kartina (2012), keunikan cerita bertema haiwan terbukti memberi impak yang lebih berkesan berbanding cerita biasa. Hal ini kerana watak haiwan kebiasaannya memaparkan pelbagai simbol dan makna tertentu mewakili pelbagai sikap. Ciri ini memudahkan pembaca memahami mesej dan nilai murni yang diserapkan sepanjang pembacaan.

Kajian lepas secara tidak langsung telah membuka minda penyelidik untuk memilih karya klasik Arab bertema haiwan sebagai bahan asas kajian. Falsafah pemikiran yang digambarkan menerusi kebijaksanaan watak haiwan mengandungi unsur nilai murni yang mampu mendidik dan menarik minat pembaca (Nurhasma, 2012). Justeru, pemilihan kitab *Kalilah Wa Dimnah* hasil terjemahan Abdullah Ibnu al-Muqaffa masih relevan terutama dalam melihat keupayaannya sebagai kitab fabel yang mengandungi unsur teladan menerusi nilai murni yang diterapkan. Kisahnya yang diolah dalam bentuk *hiwar* (dialog perbualan) lebih memudahkan nilai murni dicerna pembaca (Al-Hayik, 1990). Terdapat ruang yang perlu diisi oleh penyelidik bagi menginterpretasi teks penceritaan bagi mendapatkan satu naratif deskriptif yang bermakna khusus bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai aspek nilai murni yang cuba diterapkan. Dengan mengaplikasi pendekatan Al-Imam al-Ghazali r.a nilai murni yang tersirat diketengahkan. Seandainya nilai murni tersebut dibawa ke dalam realiti masyarakat muslim dewasa ini, maka kitab *Kalilah Wa Dimnah* tidak kehilangan fungsinya, sebaliknya akan turut dinobatkan sebagai medium mendidik jiwa yang sesuai dengan setiap golongan dan lapisan masyarakat dari pelbagai generasi dan zaman.

METODOLOGI KAJIAN

Bahan kajian

Sumber utama kajian ini merupakan kitab *Kalilah Wa Dimnah* yang mengandungi 296 muka surat dan merupakan percetakan pertama yang diterbitkan oleh *Al-Maktabah Al-Thaqafiyah*, Beirut, Lubnan. Namun tidak dinyatakan tahun ia diterbitkan. Fokus kajian hanyalah kepada sembilan buah kisah sahaja yang dimuatkan dalam kitab *Kalilah Wa Dimnah*. Pemilihan kisah ini adalah berdasarkan kepada tema utama yang mengandungi nilai murni berbeza yang mendominasi nilai penceritaan. Justeru, kesembilan buah kisah ini mendukung mesej, nilai murni dan kesimpulan yang sama, mewakili keseluruhan kisah lain yang dimuatkan dalam kitab *Kalilah Wa Dimnah*. Berikut merupakan jadual yang memaparkan sembilan sampel dari kitab *Kalilah Wa Dimnah* yang dikaji;

Jadual 1 : Unit sampel analisis kandungan dari kitab *Kalilah Wa Dimnah*

Bil	Bab	Muka surat	Tajuk Sampel
1	Pertama	109	باب الأسد والثور (<i>Bab Singa dan Lembu</i>)
2	Kedua	155	باب الفحص عن أمر دمنة (<i>Bab Menyelidik Urusan Dimnah</i>)
3	Ketiga	172	باب الحمامة المطوقة (<i>Bab Merpati Berkalung</i>)
4	Keempat	190	باب البوم والغربان (<i>Bab Burung hantu dan Dua Ekor Gagak</i>)
5	Kelima	215	باب القرد والغليم (<i>Bab Kera Dan Kura-kura</i>)
6	Keenam	222	باب الناسك وإبن عرس (<i>Bab Ahli Ibadah Dan Musang</i>)
7	Ketujuh	225	باب الجرذ والسنور (<i>Bab Tikus Dan Kucing Hutan</i>)
8	Kelapan	232	باب ابن الملك والطائر فنزة (<i>Bab Anak Raja Dan Burung Kakaktua</i>)
9	Kesembilan	238	باب الأسد والشعير الناسك (وهو ابن أوى) (<i>Bab Singa Dan Serigala</i>)

Kaedah penyelidikan

Pendekatan yang digunakan untuk kajian adalah metode penelitian *Kualitatif Deskriptif*. Kajian ini merupakan kajian naratif yang melibatkan penelitian terhadap teks. Metode yang digunakan melibatkan analisis kandungan teks bagi mendapatkan satu rumusan dan kesimpulan terperinci tentang pecahan nilai murni yang terkandung di dalam setiap gagasan pemikiran yang cuba diketengahkan.

Teks dianalisis untuk menemukan signifikasinya. Untuk itu, pendekatan atau teori yang digunakan dalam kajian terhadap sesebuah teks sastera harus bersesuaian bagi menghasilkan analisis yang sistematik. Menerusi kajian ini, pendekatan yang diperkenalkan oleh Al-Imam al-Ghazali r.a dalam pembinaan akhlak telah dipilih bagi menjawab persoalan kajian. Penelitian terhadap kajian sebelum ini mendapati pendekatan tersebut seperti yang dijelaskan menerusi kitab *Ihya Ulum Al-Din* (Al-Ghazali, n.d.) di bawah tajuk *Kitab Riyadhah al-Nafs Wa Tahzib al-Akhlak Wa Muallajat Amradh al-Qalb* mampu merungkai aspek nilai murni yang terkandung dalam kitab *Kalilah Wa Dimnah*. Analisis teks yang dijalankan melibatkan empat elemen penting iaitu; *al-Hikmu* (Kebijaksanaan), *al-Syaja'ah* (Keberanian), *al-'Iffah* (Kesucian) dan *al-'Adlu* (Keadilan).

Penganalisisan data

Analisis kandungan teks merupakan salah satu alternatif dari analisis data kualitatif yang dominan dan banyak digunakan. Menurut Syed Arabi Idid (2002) kaedah ini sering menjadi pilihan para sarjana dalam bidang sastera, sejarah, psikologi, kognitif dan ilmu bahasa kerana kaedah analisis kandungan merupakan satu tatacara yang sistematik untuk mendapatkan data yang akan menjawab persoalan dan objektif kajian. Menerusi kajian ini, analisis dijalankan dengan cara (1) mendeskripsikan data, (2) mengklasifikasikan data, (3) membahaskan hasil temuan, dan (4) menarik kesimpulan. Beberapa kod digunakan bagi menganalisis seperti yang dipaparkan pada jadual 2. Di akhir rumusan kajian, pembaca akan memperoleh gambaran secara empirikal tentang kemampuan kitab *Kalilah Wa Dimnah* sebagai medium mendidik jiwa menerusi nilai murni yang diterapkan sepanjang penceritaannya. Dalam menganalisis, data dalam bentuk frasa ayat yang mengandungi aspek nilai murni diidentifikasi, dideskripsi, dikod, dan diklasifikasi mengikut tema berasingan. Pengkelasan tema yang mengandungi nilai murni adalah berdasarkan pendekatan pembentukan akhlak oleh Al-Imam al-Ghazali r.a. Kemudiannya dibahaskan hasil dapatan dan dibuat kesimpulan berhubung hasil dapatan.

Jadual 2: Kod-kod bagi penganalisisan data

Bil	Perkara	Kod
1	<i>Kalilah Wa Dimnah</i>	Disingkatkan menjadi huruf KWD sahaja.
2	Data pertama	Disingkatkan menjadi D1, begitu juga data yang seterusnya digambarkan dengan D2,D3 dan seterusnya.
3	Lajur pertama	Disingkatkan menjadi L1, begitu juga lajur yang seterusnya digambarkan dengan L2,L3 hingga ke lajur yang seterusnya.
4	Muka surat	Disingkatkan menjadi ms, sebagai contoh ms 100.

CIRI PEMBINAAN AKHLAK OLEH AL-IMAM AL-GHAZALI R.A

Al-Imam al-Ghazali r.a mengemukakan empat prinsip utama yang menjadi elemen dalam pembentukan akhlak iaitu (Al-Ghazali, n.d.); *al-Hikmah* (Kebijaksanaan), *al-Syaja'ah* (Keberanian), *al-'Iffah* (Kesucian) dan *al-'Adlu* (Keadilan). Elemen-elemen tersebut menjadi dasar dalam membentuk keperibadian mulia sebagaimana yang dituntut dalam Islam. *Al-Hikmah* terhasil daripada kekuatan ilmu (قوة العلم) yang mendorong individu membezakan antara perkara yang benar dan dusta dalam perkataan, antara yang hak dan yang batil dalam kepercayaan dan antara yang indah dan keji dalam perbuatan (Al-Ghazali, n.d.). Dari kekuatan ilmu akan lahir nilai kebijaksanaan yang menjadi tunggak utama pembinaan akhlak mulia. Dengannya hidup akan terkawal dan bermotivasi tinggi dalam memperolehi kejayaan dan kebahagiaan (Al-Qasimi, 2006). Antara elemen *al-Hikmah* yang disenaraikan oleh Imam Al-Ghazali adalah; kemampuan mengurus dengan baik (حُسْنُ التَّدْبِيرِ), memiliki akal fikiran atau kefahaman yang berkualiti (جَوْدَةُ الدَّهْنِ), berpandangan tepat (تَقَابَةُ الرَّأْيِ), memiliki jangkaan yang tepat (إِصَابَةُ الظَّنِّ), teliti dan memperhalusi kerja (التَّفَطُّنُ لِدَقَائِقِ الْأَعْمَالِ) (Al-Ghazali, n.d.). Bagaimanapun dalam menguruskan kekuatan ilmu, nilai keseimbangan adalah dituntut agar tidak melampaui kewajaran sehingga menjurus manusia ke arah melakukan tipu muslihat (الْجَرَبِزَةُ) dan penipuan (الْمَكْرُ وَالْخِدَاعُ). Hilangnya kekuatan ilmu pula membawa kepada lemah akal (البِلَّةُ), tiada pengalaman, banyak berangan-angan (العَمَارَةُ), jahil hingga merosakkan tingkah laku (الْحَمَقُ), dan hilang akal (gila) sehingga merosakkan diri (الْجُنُونُ) (Al-Ghazali, n.d.).

Al-Syaja'ah (Keberanian) pula terhasil apabila kekuatan marah (قُوَّةُ الْعَصَبِ) ditunduk, dan dikawal oleh akal, iaitu sekadar yang diperlu atau ditunjukkan oleh kebijaksanaan (Al-Ghazali, n.d.). Menurut Imam Al-Ghazali r.a, *al-Syaja'ah* membentuk kemuliaan diri (الْكَرَمُ), keberanian (الْجَدَّةُ), keperkasaan, kepantasan dan kebijaksanaan (الشَّهَامَةُ), berupaya mengalahkan nafsu, andaian dan khayalan (كَسْرُ النَّفْسِ وَالْإِحْتِمَالِ وَالْحُلْمِ), teguh pendirian (الثَّبَاتُ), berupaya menahan kemarahan (كَطْمُ الْعَيْظِ), terhormat (الْوَقَارُ) dan berkasihan (التَّوَدُّدُ) (Al-Ghazali, n.d.). Bagaimanapun, *al-Syaja'ah* yang tidak didukung oleh akal membawa kepada tindakan menyerang tanpa usul periksa (النَّهْوَرُ), mendakwa secara melampau, menimbulkan kemarahan (الصِّلَفُ), bangga diri (الْبِدْخُ), sangat beremosi (الاستنشاطة), sombong atau takbur (التَّكَبُّرُ) dan mengkagumi diri sendiri (العُجْبُ). Mereka yang langsung tidak memiliki *al-Syaja'ah* dalam diri pula akan mudah merasa terhina, lemah dan rendah diri (المهانة والدلة والخساسة), berputus asa serta mengeluh (الجَزَعُ), berjiwa kecil (صغر النفس) dan sentiasa menyendiri dari mendapatkan hak (الانقباض عن تناول الحق الواجب) (Al-Ghazali, n.d.).

Al-'Iffah (Kesucian) lahir daripada kekuatan syahwat (قُوَّةُ الشَّهْوَةِ) yang tunduk pada kebijaksanaan (*Al-Hikmah*). Melalui *al-'Iffah* individu akan sentiasa menjaga kesucian diri dengan memelihara dan menjauhi diri daripada perbuatan maksiat dan tidak baik (Al-Ghazali, n.d.). *Al-'Iffah* melahirkan sifat pemurah (السَّخَاءُ), malu (الْحَيَاءُ), sabar (الصَّبْرُ), bertolak ansur (المُسَامَحَةُ), redha (الْقَنَاعَةُ), warak dan menjauhi perkara haram (الْوَرَعُ), memiliki kesantunan (اللِّطَافَةُ), saling bantu-membantu (المُسَاعَدَةُ) serta mengurangkan ketamakan (قَلَّةُ الطَّمَعِ) (Al-Ghazali, n.d.). Memiliki *al-'Iffah* secara melampau atau kehilangannya dari dalam diri akan menimbulkan rasa tamak dan haloba (الحرص والشهه), keras hati (الوقاحة), berperangai keji (الخبث), boros (التبذير), menipu secara rahsia (التفتير), bangga diri (الرياء), keaiban terbongkar (الهتكه), bergurau secara berlebihan (المجانة), melakukan perbuatan sia-sia (العبث), hasad dengki (الحسد), sukakan bala' yang berlaku padanya (الشَّمَاتَةُ), memandang hina bagi yang kaya (التذلل للأغنياء) dan memandang rendah pada fakir miskin (استحقار الفقراء) (Al-Ghazali, n.d.).

Elemen terakhir ialah *al-'Adlu* (Keadilan) iaitu kekuatan adil (فُؤَةُ الْعَدْلِ) atau kekuatan jiwa untuk mengekang kemarahan dan nafsu syahwat secara adil dan memandunya mengikut kehendak akal dan agama bagi mencapai *al-hikmah*. *Al-'Adlu* mendorong individu ke arah keselamatan, keharmonian, ketenteraman, dan kebahagiaan.

PENERAPAN NILAI MURNI DALAM KARYA KLASIK *KALILAH WA DIMNAH*

Analisis berikut dilakukan dengan mendeskripsi dan mengklasifikasi nilai murni yang tersirat di dalam data mengikut tema yang dibentuk berdasarkan empat elemen penting dalam pembinaan akhlak murni seperti yang diperkenalkan oleh Al-Imam al-Ghazali r.a iaitu *al-Hikmah* (Kebijaksanaan), *al-Syaja'ah* (Keberanian), *al-'Iffah* (Kesucian) dan *al-Adlu* (Keadilan).

***Al-Hikmah* (Kebijaksanaan)**

Analisis yang dijalankan menemukan pelbagai bentuk elemen *al-Hikmah* yang digarap oleh pengarang menerusi teks penceritaan. Di antara elemen yang dikenal pasti merangkumi i) ketajaman akal fikiran (تَقَابَةُ الرَّأْيِ), ii) berfikiran bernas (جَوْدَةُ الدَّهْنِ), iii) jangkaan yang benar dan tepat (إِصَابَةُ الظَّنِّ), iv) kebijaksanaan mengatur dan merancang (حُسْنُ التَّنْذِيرِ), serta v) menjauhi penipuan (المَكْرُ) dan muslihat (الجَرِيْزَةُ). Berikut merupakan bentuk tema yang mengandungi nilai murni yang dikenalpasti menerusi data yang mengandungi elemen *al-Hikmah*;

i) Ketajaman Akal Fikiran (تَقَابَةُ الرَّأْيِ)

Kutipan data di bawah menunjukkan keperluan bagi seseorang pemimpin untuk memiliki kekuatan ilmu agar mampu melahirkan pemikiran yang tajam. Kekuatan ini menjadikan individu bersikap lebih rasional dan berupaya membezakan antara kebenaran dan kebatilan.

Ketajaman akal fikiran digarap melalui watak ibu singa. Beliau sentiasa rasional dan berfikir berdasarkan alasan serta bukti yang kukuh dalam mengendalikan permasalahan berkaitan jenayah yang dilakukan oleh *Dimnah*. Buktinya, ibu singa sentiasa mengingatkan anakandanya agar segera menjatuhkan hukuman ke atas *Dimnah*. Menurut beliau, lebih lama *Dimnah* dibiarkan hidup bebas, maka lebih banyak kejahatan yang akan dilakukannya.

وقَالَتْ لَهُ: " يَا سَيِّدَ الْوُحُوْشِ، حُوْشِيْتِ أَنْ تَنْسَى مَا قُلْتِ بِالْأَمْسِ. وَأَنْتِ أَمْرَتْ بِه لَوْقْتِه وَأَرْضَيْتِ بِه رَبَّ الْعِبَادِ. وَقَدْ قَالَتْ الْعُلَمَاءُ: لَا يَنْبَغِي لِلْإِنْسَانِ أَنْ يَتَوَانَى فِي الْجِدِّ لِلتَّقْوَى، بَلْ لَا يَنْبَغِي أَنْ يُدَافِعَ عَنِ ذَنْبِ الْآثِمِ".

Dan dia (Ibu singa) berkata kepadanya: "Wahai Raja Rimba, harapannya kau tidak melupakan apa yang aku katakan semalam. Dan kau telah arahkan (dijatuhkan hukuman) ke atasnya selaras dengan ketetapan Tuhan. Para Ulama berkata, manusia tidak perlu malas dalam hal ketaqwaan, sebagaimana tidak perlu mempertahankan orang yang melakukan dosa". (D1L4 ms 163)

ii) Berfikiran Bernas (جَوْدَةُ الدَّهْنِ)

Al-Hikmah turut melahirkan individu yang celik akal (جَوْدَةُ الدَّهْنِ). Kelebihan ini menjadikan individu berkemampuan dalam membezakan antara yang benar dan dusta (دِرْكُ الْفَرْقِ بَيْنَ الصِّدْقِ وَالْكَذْبِ) (Al-Ghazali, n.d.). Ciri-ciri ini diperlihatkan pada watak *Maher*. Beliau berjaya mematahkan rancangan jahat sahabatnya penyujutan dengan berpura-pura mengatakan bahawa 'hatinya' tidak dibawa bersamanya ketika itu, sebaliknya telah ditinggalkan di kediamannya. Menerusi plot ini, pengarang menunjukkan betapa pentingnya memiliki kebijaksanaan dalam berfikir dan bertindak, terutama ketika berhadapan dengan keadaan yang mencemaskan. Data berikut menggambarkan kebijaksanaan *Maher* menghadapi saat getir dalam menyelamatkan dirinya daripada diperdaya oleh individu lain.

قَالَ لِلْعَيْلِمِ: "وَمَا مَنَعَكَ أَنْ تُعَلِّمَنِي عِنْدَ مَنْزِلِي، حَتَّى كُنْتُ أَحْمِلُ قَلْبِي مَعِي؟ فَهَذِهِ سُنَّةٌ فِينَا، مَعْتَبِرُ الْقُرْدَةِ، إِذَا خَرَجَ أَحَدُنَا لِرِيَاةِ صَيْدِي، خَلَفَ قَلْبُهُ عِنْدَ أَهْلِهِ، أَوْ فِي مَوْضِعِهِ".

(Maher) berkata kepada penyujutan: "Apa yang menghalangmu daripada memberitahuku (tentang perkara itu) ketika berada di rumahku tadi, agar dapatku bawa 'hatiku' bersamaku?."

(Sememangnya) menjadi kebiasaan kami golongan kera, jika salah seorang dari kami keluar menziarahi sahabat, dia akan meninggalkan hatinya pada keluarganya, atau di rumah". (D3L1 ms 219)

iii) Jangkaan Yang Benar Dan Tepat (إِيَابَةُ الظَّن)

Data seterusnya membuktikan *al-Hikmah* berupaya mencetuskan suatu pemikiran atau jangkaan yang benar dan tepat (إِيَابَةُ الظَّن). Menerusi kisah الْبُؤْم وَالْغُزْبَان (Bab Burung hantu dan Gagak), penasihat raja gagak terlebih dahulu dapat menjangkakan bahawa kekuatan burung hantu tidak akan mampu ditandingi. Justeru beliau berpendapat, langkah terbaik dalam menghadapi kekuatan burung hantu adalah dengan mengelakkan peperangan secara terbuka.

"أَيُّهَا الْمَلِكُ، فَإِنْ مَنْ قَاتَلَ مَنْ لَا يَقْوَى عَلَيْهِ فَقَدْ عَرَّرَ بِنَفْسِهِ".

(Penasihat raja gagak berkata): "Wahai Tuanku, (hamba mohon dihindari peperangan dengan pihak burung hantu). Sesungguhnya mereka yang memerangi musuh yang sudah diketahui tidak akan mampu dikalahkan, hanya akan memperdaya diri sendiri". (D4L4 ms 194)

iv) Keupayaan Mengatur Dan Merancang (حَسْنُ التَّدْبِيرِ)

Sesuatu matlamat hanya akan tercapai melalui pendekatan dan strategi yang mantap. Kebijaksanaan mengatur dan merancang sesuatu tindakan merupakan ciri *al-Hikmah* yang hanya akan diperolehi menerusi kekuatan ilmu yang dimiliki. Ini dijelaskan oleh Al-Imam al-Ghazali r.a yang berbunyi (Al-Ghazali, n.d.);

فَإِذَا صَلَحَتْ هَذِهِ الْقُوَّةُ (قوة العلم)، حَصَلَ مِنْهَا ثَمَرَةُ الْحِكْمَةِ

Jika baik kekuatan ini (kekuatan ilmu), maka terhasil darinya faedah 'al-hikmah'.

Watak merpati *al-Mutawwaqah* digambarkan sebagai pemimpin yang bijak mengendalikan situasi yang mencemaskan. Meskipun terperangkap di dalam jerat pemburu, beliau masih mampu memikul tanggungjawab, menasihati dan mengendalikan emosi sahabat-sahabatnya dengan tenang serta mengatur strategi yang berkesan agar sama-sama dapat melepaskan diri. Kelebihan inilah yang membuatkan *al-Mutawwaqah* dihormati oleh seluruh warga merpati.

وَقَالَتْ الْمُطَوَّقَةُ: " لَا تُخَادِلُنَّ فِي الْمَعَالِجَةِ، وَلَا تُكُنْ نَفْسُ إِحْدَاكُنَّ أَهْمَ إِلَيْهَا مِنْ نَفْسِ صَاحِبَتَيْهَا، وَلَكِنْ تَتَعَاوَنُ جَمِيعًا، فَتَقْلَعُ الشَّبَكَةَ، فَيُنَجُّو بَعْضُنَا بَعْضًا". فَتَقْلَعَنَّ الشَّبَكَةَ جَمِيعُهُنَّ بِتَعَاوُنِهِنَّ، وَعَلَوْنَ فِي الْجَوِّ.

Dan 'al-Mutawwaqah' berkata: "Jangan kamu tinggalkan penyelesaian (berputus asa), tiada yang lebih penting dari diri seseorang dari kamu melainkan sahabatnya. (Marilah) kita saling bantu membantu, kita berusaha mencabut jerat (perangkap ini), bersama-sama kita selamatkan diri". Maka, dengan kerjasama antara satu sama lain, mereka semua berjaya mencabut jerat dan terbang tinggi ke angkasa. (D7L7 ms 173)

v) Menjauhi Penipuan (الْمَكْرُ) dan Muslihat (الْجَرِيْرَةُ)

Selain menyajikan watak dengan nilai positif, pengarang turut memaparkan watak yang membawa imej negatif. Berdasarkan imej negatif tersebut, beberapa pengajaran dari kisah disimpulkan. Dari sini, penyelidik mengetengahkan nilai murni yang boleh diambil dan dijadikan ikhtibar buat para pembaca.

Memiliki kekuatan ilmu yang melebihi garis kesederhanaan akan menjurus individu kepada perbuatan keji dan tercela seperti melakukan tipu muslihat (الْجَرِيْرَةُ) dan penipuan (الْمَكْرُ). Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Al-Imam Al-Ghazali r.a (Al-Ghazali, n.d.);

وَمِنْ إِفْرَاطِهَا (قُوَّةُ الْعِلْمِ): تَصْدُرُ الْجَرِيْرَةُ، وَالْمَكْرُ وَالْخَدَاعُ..

Dan (kekuatan ilmu) yang melampaui batas menghasilkan tipu muslihat dan penipuan..

Justeru, kesederhanaan dalam kekuatan ilmu adalah dituntut. Kutipan data berikut memaparkan perbuatan tipu muslihat (الْجَرِيْرَةُ) dan penipuan (الْمَكْرُ) menerusi kisah بَابُ الْأَسَدِ وَالنَّوْرِ (Bab Singa dan Lembu jantan). Dimnah membawa watak individu yang memiliki cita-cita tinggi untuk mendampingi raja singa. Namun kekuatan ilmu yang melampaui garis

kesederhanaan telah mendorong beliau mengambil kesempatan dengan menggunakan tipu muslihat bagi mendapatkan kedudukan yang tinggi di sisi baginda raja. Akibatnya, tindakan tersebut telah menjerumuskan dirinya ke dalam kebinasaan.

قَالَ يَمْنَهُ: " أُرِيدُ أَنْ أَتَعَرَّضَ لِلْأَسَدِ عِنْدَ هَذِهِ الْفُرْصَةِ، فَإِنَّ الْأَسَدَ ضَعِيفُ الرَّأْيِ. وَلَعَلِّي عَلَى هَذِهِ الْحَالِ أَذْنُوا مِنْهُ فَأَصِيبَ عِنْدَهُ مَنْرَلَةً وَمَكَانَةً."

Dimnah berkata: "Di kesempatan ini, aku ingin menemui raja singa. Sesungguhnya baginda miliki pandangan yang lemah. Mungkin dalam keadaan ini jika aku menghampirinya, aku akan memperoleh pangkat dan kedudukan". (D9L1 ms 114)

Ironinya, manusia digalakkan agar sentiasa bermotivasi dalam mencapai sesuatu, Namun, manusia seringkali tersasar dengan memilih jalan singkat yang merosakkan. Justeru, pembaca disaran agar sentiasa bersyukur, mematuhi etika dan mengikut jalan yang sewajarnya, dengan berusaha membezakan samada jalan yang dipilih mendatangkan kesan yang positif atau sebaliknya.

Al-Saja'ah (Keberanian)

Apabila kekuatan marah (قُوَّةُ الْغَضَبِ) ditundukkan oleh akal dan syarak, ia akan bertukar menjadi *al-Syaja'ah* (Al-Ghazali, n.d.). Analisis yang dijalankan menemukan beberapa elemen *al-Syaja'ah* yang membentuk tema dan mengandungi nilai murni untuk tatapan dan manfaat pembaca. Elemen *al-Syaja'ah* yang dimaksudkan melibatkan tema seperti i) keberanian mengalahkan musuh (النَّجْدَةُ), ii) saling mengasihani (التَّوَدُّدُ), iii) menjauhi sifat bangga diri, sombong dan takbur (البِدْخُ والتَّكْبُرُ), iv) menjauhi emosi dan kemarahan (الاستسْطَاةُ), serta v) mengelakkan tindakan menyerang tanpa usul periksa (التَّهْوُرُ).

i) Keberanian mengalahkan musuh (النَّجْدَةُ)

Elemen *al-Saja'ah* tergambar pada keberanian (النَّجْدَةُ) watak musang yang berusaha mengalahkan musuhnya semata-mata mempertahankan keselamatan anak majikannya. Kutipan data di bawah menggambarkan keadaan musang yang tidak berundur apabila bertarung dengan ular hitam, sebaliknya bermatian menggadai dirinya demi melunas tanggungjawabnya kepada majikan dengan penuh keikhlasan.

فَخَرَجَ مِنْ بَعْضِ أَحْجَارِ الْبَيْتِ حَيَّةً سَوْدَاءَ، فَذَنَّتْ مِنَ الْغُلَامِ، فَضَرَبَهَا ابْنُ عَرَسٍ، ثُمَّ وَثَبَ عَلَيْهَا فَفَقَتَلَهَا، ثُمَّ قَطَعَهَا، وَامْتَلَأَ فَمُهُ مِنْ دَمِهِ.

Maka muncullah ular hitam dari celah-celah batu rumahnya, menghampiri anaknya. Langsung ia (musang) bertarung dengannya, kemudian menerkamnya dan membunuhnya. Kemudian si musang menggigitnya sehingga mulutnya berlumuran dengan darah ular tersebut. (D1L6 ms 224)

ii) Saling Mengasihani (التَّوَدُّدُ)

Menerusi kisah seterusnya, pengarang mengingatkan pembaca agar mengikis sifat mementingkan diri sendiri, sebaliknya saling mengasihani insan lain. Data berikut menggambarkan keprihatinan *Zairaka* membebaskan *al-Mutawwaqah* dan sahabat-sahabatnya dari jerat yang memerangkap mereka dengan istiqamah dan penuh keikhlasan.

ثُمَّ إِنَّ الْجُرْدَ أَخَذَ فِي قَرْضِ الشَّبَكَةِ حَتَّى فَرَّغَ مِنْهَا فَأَنْطَلَقَتْ الْمُطَوَّقَةُ وَحَمَامُهَا مَعَهَا.

Kemudian, tikus memotong jerat sehingga terlerai. Maka berlepaslah (kembali pulang) al-Mutawwaqah bersama-sama sahabatnya merpati. (D2L13 ms 175)

Selain bentuk elemen yang dibincangkan tadi, analisis turut menemukan beberapa tema yang mengandungi nilai murni berdasarkan ikhtibar yang boleh diperolehi daripada kisah. Sebahagian daripada kisah ini menyaksikan watak utamanya membawa imej yang bertentangan dengan prinsip sebenar *al-Syaja'ah*. Keadaan ini berikutan kekuatan marah yang berlebihan dan tidak dikawal oleh akal. Akibatnya, individu akan cenderung kepada sifat sombong dan takbur (البِدْخُ والتَّكْبُرُ), tidak berfikir panjang dan menyerang tanpa usul periksa (التَّهْوُرُ), mendakwa individu secara melampau, menimbulkan kemarahan (الصِّلْفُ) serta

rasa marah dan sangat beremosi (الاستنشاطة). Tema-tema tersebut boleh diperincikan melalui data-data berikut;

iii) Menjauhi sifat bangga diri, sombong dan takbur (البِدْخُ والتَّكَبُّرُ)

Kemarahan raja singa yang tidak terkawal telah melahirkan perasaan sombong, bangga diri dan takbur (البِدْخُ والتَّكَبُّرُ) sehingga sanggup memburuk-burukkan *Syatrabah*. Baginda beranggapan dirinya tidak mungkin akan dikalahkan oleh *Syatrabah*, seekor haiwan pemakan rumput;

"وَأِنْ كَانَ شَنْزَرِيَّةُ مُعَادِيًا لِي، كَمَا تَقُولُ، فَإِنَّهُ لَا يَسْتَطِيعُ لِي ضَرًّا. وَكَيْفَ يَقْدِرُ عَلَى ذَلِكَ وَهُوَ أَكَلُ عُشْبٍ وَأَنَا أَكَلُ لَحْمٍ؟. وَإِنَّمَا هُوَ لِي طَعَامٌ، وَلَيْسَ عَلَيَّ مِنْهُ مَخَافَةٌ".

"Jika sekalipun *Syatrabah* memusuhiiku sebagaimana yang engkau katakan, sesungguhnya dia tidak boleh membahayakan diriku. Bagaimana dia mampu melakukan sebegitu; dia seekor haiwan pemakan rumput sedangkan aku pemakan daging?. Sesungguhnya dia hanya makanan aku, dan bukan alasan untuk aku takut kepadanya". (D3L6 ms 132)

Menurut Al-Ghazali r.a kemarahan yang berlebihan dan tidak dituntun oleh akal memudahkan individu melepaskan kata-kata kesat, kutukan, makian dan cacian (Al-Ghazali, n.d.). Berdasarkan keterangan ini, pengarang mengajak pembaca agar tidak meninggi diri, menghina atau memburuk-burukkan individu lain. Sebaliknya mengamalkan sifat tawaduk dan merendah diri dengan sewajarnya. Perbuatan menghina dan memburuk-burukkan individu lain merupakan suatu dosa dan dilarang keras sebagaimana firman Allah Taala;

وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ

"Kecelakaan yang besar bagi setiap pencaci, pengeji" (Al-Humazah:1)

iv) Menjauhi Emosi dan Kemarahan (الاستنشاطة)

Kekuatan marah yang berlebihan juga mewujudkan rasa marah dan sangat beremosi (الاستنشاطة). Hal ini boleh menimbulkan kebencian dan keinginan dalam diri untuk memusnahkan kehidupan orang lain sebagaimana yang berlaku pada watak para menteri di dalam kisah bertajuk *باب الأسد والشعير الناسك وهو ابن أوى* (*Singa dan Serigala yang Zuhud*). Kutipan data berikut menceritakan bagaimana kehadiran serigala dan keistimewaan yang diberikan oleh raja kepada beliau telah mencetuskan kemarahan (الاستنشاطة) dalam kalangan menteri baginda. Keadaan ini menyebabkan mereka bersepakat menghasut, melakukan tipu muslihat dan menabur fitnah terhadap serigala dengan tujuan menghapuskan beliau dari istana;

فَلَمَّا رَأَى أَصْحَابُ الْأَسَدِ ذَلِكَ، غَاطَهُمْ وَسَاءُهُمْ. فَأَجْمَعُوا كَيْدَهُمْ، وَاتَّفَقُوا كُلُّهُمْ عَلَى أَنْ يَحْمِلُوا عَلَيْهِ الْأَسَدَ.

Ketika mereka (para menteri) melihat peristiwa itu (serigala diberi jawatan istimewa oleh Singa), membuatkan mereka berasa marah dan iri hati. Maka, mereka sebulat suara bersetuju melakukan tipu daya, dan kesemua mereka bersepakat menghasut singa. (D5L13 ms 241)

Sebagai individu yang diberi tanggungjawab penting menerajui kerajaan, barisan pemimpin seharusnya memiliki harga diri dan semangat patriotik yang tinggi. Kepentingan negara perlu diletakkan melebihi kepentingan diri di samping menyemai semangat berpasukan, ikhlas, redha dengan ketetapan Allah Taala serta saling hormat-menghormati dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan.

v) Mengelakkan tindakan menyerang tanpa usul periksa (التَّهْوُّرُ)

Kisah seterusnya menyaksikan ahli sufi sebagai watak utama dengan membawa imej yang menyalahi prinsip sebenar *al-Syaja'ah*. Kekuatan marah yang tidak didukung oleh akal dan syarak telah mencetuskan apa yang dikenali sebagai *التَّهْوُّرُ*; iaitu tindakan individu menyerang tanpa usul periksa.

Peristiwa berlaku sebaik sahaja ahli sufi melihat mulut musang peliharaannya berlumuran dengan darah. Dalam keadaan yang sangat marah, ahli sufi terus menghayun tongkatnya

memukul kepala musang dengan kuat sehingga mati. Sangkaannya, musang tersebut telah mencederakan bayinya. Data di bawah menunjukkan bagaimana keadaan ahli sufi yang tidak berfikir panjang dan bertindak menyerang musangnya tanpa usul periksa sehingga menyebabkan kematian haiwan kesayangan itu yang telah dipeliharanya sejak kecil.

فَلَمَّا رَأَهُ مُلُوثًا بِالدِّمِّ، وَهُوَ مَدْعُورٌ، طَارَ عَقْلُهُ، وَظَنَّ أَنَّهُ قَدْ خَنَقَ وَوَلَدَهُ. وَلَمْ يَتَنَبَّثْ فِي أَمْرِهِ، وَلَمْ يَنْزِرْ فِيهِ، حَتَّى يَعْلمَ حَقِيقَةَ الْحَالِ، وَيَعْمَلْ بِغَيْرِ مَا ظَنَّ مِنْ ذَلِكَ.

Maka ketika dilihatnya (musang tersebut) dalam keadaan berlumuran darah, kewarasannya terus hilang, dan terlintas difikirkannya bahawa musang peliharaannya itu telah mencederakan anaknya. Maka tanpa berfikir panjang, dan tanpa meneliti perkara sebenar yang berlaku, ahli sufi bertindak di luar norma yang sepatutnya. (D6L10 ms 224)

Kisah ini bertujuan menyedarkan kita tentang keburukan bersikap terburu-buru dan bertindak tanpa berfikir panjang. Dengan menahan kemarahan (كَظْمُ الْعَيْظِ) dan mengamalkan nilai kesabaran (الصَّبْرُ) dalam kehidupan, individu mampu menangkis dan mengelakkan musibah daripada berlaku. Menerusi data di atas, pengarang menyarankan agar pembaca sentiasa bersikap sabar, lebih rasional dengan mengambil kira kesan baik atau buruk sesuatu tindakan.

Al-'Iffah (Kesucian)

Al-'Iffah (Kesucian) adalah mendidik kekuatan syahwat dengan bimbingan akal dan syarak, sentiasa memelihara serta menjauhi diri daripada perbuatan maksiat dan perbuatan tidak baik (Al-Ghazali, n.d.). Analisis mendapati, bentuk *al-'Iffah* yang cuba diketengahkan oleh pengarang dikatogerikan kepada beberapa tema seperti i) saling membantu dan bekerjasama (المُسَاعَدَةُ), ii) menjauhi sifat tamak dan haloba (الْحِرْصُ وَالشَّرْهُ), iii) wara' dan menjauhi perkara sia-sia (الْوَرَعُ), iv) menjauhi hasad dengki (الْحَسَدُ) dan v) menjauhi perasaan *al-Syamaatah* (الشَّمَاتَةُ). Berikut dihuraikan setiap satu daripada tema tersebut dan aspek nilai murni yang terkandung di dalamnya;

i) Saling membantu dan bekerjasama (المُسَاعَدَةُ)

Elemen *al-'Iffah* mendorong manusia saling bantu-membantu (المُسَاعَدَةُ) dalam kehidupan (Al-Ghazali, n.d.). Nilai saling membantu dan bekerjasama (المُسَاعَدَةُ) dipaparkan menerusi kisah bertajuk *بابُ الْجُرْدِ وَالسِّنْتُورِ* (*Bab Tikus dan Kucing Hutan*). Watak *Faridun* dan *Rumi* yang saling bermusuhan pada awalnya berubah menjadi saling memerlukan antara satu sama lain. Keadaan ini membuktikan bahawa kekuatan syahwat yang ditundukkan oleh akal boleh bertukar menjadi *'Iffah*; sebagaimana perasaan benci antara *Faridun* dan *Rumi* boleh berubah menjadi saling menghargai dan bekerjasama. Hal yang demikian terjadi apabila masing-masing menyedari mereka saling memerlukan kerana terpaksa berhadapan dengan musuh lain yang lebih sukar ditewaskan.

" فَإِنْ جَعَلْتَ لِي الْأَمَانَ قَطَعْتُ حَبَابَكَ، وَخَلَصْتُكَ مِنْ هَذِهِ الْوَرُطَةِ."

(*Faridun* berkata): " *Sekiranya engkau selamatkan aku, aku akan memutuskan jerat (yang memerangkap) kamu, dan aku akan bebaskan kamu dari kesusahan ini*". (D2L3 ms 228)

ii) Wara' dan menjauhi perkara sia-sia (الْوَرَعُ)

Elemen *al-'Iffah* mendorong manusia memelihara diri daripada perbuatan maksiat dan menjauhinya (Al-Ghazali, n.d.). Sifat wara' (الْوَرَعُ) digambarkan menerusi watak serigala dalam kisah berjudul *بابُ الْأَسَدِ وَالشَّغْبِيرِ النَّاسِكِ وَهُوَ ابْنُ أَوْى* (*Singa dan Serigala yang Zuhud*). Kutipan data berikut menggambarkan watak serigala yang sentiasa memelihara diri daripada perbuatan keji sebagaimana biasanya dilakukan oleh sahabat-sahabatnya yang lain seperti memburu, membunuh untuk mendapatkan makanan dan memakan daging. Kesungguhan serigala memelihara dirinya membuktikan bahawa apabila hawa nafsu dan keinginan dididik oleh batas agama dan akal yang waras, manusia akan sentiasa menjauhi perbuatan jahat (الْخُبِيثُ) (Al-Ghazali, n.d.).

...وَلَمْ يَكُنْ يَصْنَعُ مَا يَصْنَعُونَ، وَلَا يُعْبِرُ كَمَا يُعْبِرُونَ، وَلَا يُهْرَقُ دَمًا، وَلَا يَأْكُلُ لَحْمًا.

...dan ia (serigala) tidak pernah melakukan apa yang mereka lakukan, tidak memburu sebagaimana mereka memburu, tidak menumpahkan darah, dan tidak memakan daging. (D7L2 ms 239)

Analisis nilai murni seterusnya menemukan beberapa elemen yang berkait dengan kehilangan kekuatan syahwat atau memilikinya secara berlebihan di dalam diri. Di antaranya seperti; boros (التبذير), hasad dengki (الحسد), suka dengan bala' yang berlaku (الشَّمَاتَةُ), dan timbul rasa tamak dan haloba (الْحِرْصُ وَالشَّرَّةُ) (Al-Ghazali, n.d.). Berpandukan elemen-elemen tersebut, analisis mengenalpasti beberapa kategori tema yang mengandungi nilai murni yang boleh dijadikan ikhtibar untuk manfaat bersama.

iii) Menjauhi Hasad Dengki (الحَسَدُ)

Nafsu syahwat yang tidak dituntun dengan bijak menimbulkan keinginan terhadap kedudukan dan pangkat. Bagi memilikinya, manusia sanggup melakukan apa sahaja meskipun tersasar daripada jalan yang sewajarnya. Hal ini dipamerkan pada watak *Dimnah* yang ingin menonjolkan diri tanpa ada persaingan daripada *Syatrabah*. Kutipan data berikut menunjukkan bagaimana munculnya perasaan hasad dengki dari dalam diri *Dimnah* setelah melihat kelebihan *Syatrabah*;

قَلَمَّا رَأَى دِمْنَةُ أَنَّ النَّوْرَ قَدِ اخْتَصَّ بِالْأَسَدِ دُونَهُ وَدُونَ أَصْحَابِهِ، وَأَنَّ قَدْ صَارَ صَاحِبَ رَأْيِهِ وَخَلْوَاتِهِ وَلَهُوِهِ حَسَدُهُ حَسَدًا عَظِيمًا.

Ketika Dimnah melihat lembu jantan telah menjadi keutamaan raja singa berbanding dirinya dan sahabat-sahabatnya, dan menjadi penasihat serta teman rapat kepada baginda (dalam suka dan duka), timbullah rasa hasad dengki yang kuat. (D9L11 ms 122)

Dengan mengawal nafsu, berlapang hati, menggunakan akal yang sihat, perasaan hasad dan iri hati akan lenyap dan bertukar kepada saling berkasih sayang serta menerima dengan penuh kerelaan di atas segala ketentuanNya (Al-Qasimi, 2006).

iv) Menjauhi perasaan Al-Syamaatah (الشَّمَاتَةُ)

Menurut Al-Imam al-Ghazali r.a, perasaan gembira (disebabkan kecelakaan yang menimpa lawan) disebut sebagai *Al-Syamaatah* (الشَّمَاتَةُ) (Al-Ghazali, n.d.);

وَهَذَا الْفَرْحُ شَمَاتَةٌ وَالْحَسَدُ وَالشَّمَاتَةُ يَتَلَاذِمَانِ

Dan kegembiraan ini merupakan 'Syamaatah'. Hasad dengki dan 'al-Syamaatah' sentiasa beriringan.

Kutipan data berikut merupakan cerminan sikap *Dimnah* yang hasad terhadap *Syatrabah* serta mengharapkan bencana menimpa lawannya itu. Apabila raja singa termakan dengan hasutan tersebut, *Syatrabah* akan dibunuh. Pengakhiran sebegini sangat dinanti-nantikan oleh *Dimnah*.

قَالَ دِمْنَةُ: "حَدَّثَنِي الْأَمِينُ الصَّدُوقُ عِنْدِي أَنَّ شَتْرَبَةَ خَلَا بِرُوُوسِ جُنْدِكَ، وَقَالَ: قَدْ خَبِرْتُ الْأَسَدَ وَبَلَّوْتُ رَأْيَهُ وَمَكِيدَتَهُ وَقُوَّتَهُ.... قَلَمَّا بَلَغَنِي ذَلِكَ عَلِمْتُ أَنَّ شَتْرَبَةَ خَوَانٌ غَدَارٌ.

Dimnah berkata: "Aku diberitahu oleh seseorang yang dipercayai bahawasanya 'Syatrabah' telah bertemu secara rahsia dengan panglima-panglima tenteramu. Dan beliau berkata: Aku telah memperoleh (maklumat berkaitan) pandangan, muslihat dan kekuatannya (Singa).....maka, ketika sampai kepadaku perkara itu, ketahuilah aku bahawasanya Syatrabah merupakan seorang penipu dan pengkhianat". (D10L15 ms 129)

Pengarang mengingatkan pembaca agar berusaha menjauhi perasaan *al-Syamaatah* (الشَّمَاتَةُ). Caranya adalah dengan menghapuskan hasad dengki dan iri hati. Sebaliknya menggantikannya dengan sikap sentiasa berlapang hati dan redha atas segala rezeki dan ketetapan Allah Taala.

v) Menjauhi sifat Tamak dan Haloba (الحرص والشره)

Kekuatan syahwat yang melampaui batas menjurus manusia kepada sifat tamak dan haloba (الحرص والشره) sepertimana yang dijelaskan oleh Al-Imam al-Ghazali r.a (Al-Ghazali, n.d.);

وَأَمَّا مَيْلُهَا إِلَى الْإِفْرَاطِ أَوْ التَّفْرِيطِ فَيَحْصُلُ مِنْهُ الْحِرْصُ وَالشَّرْه

Manakala kecenderungannya (al-'Iffah) dalam kadar yang melampaui atau kehilangannya menimbulkan sifat tamak dan haloba.

Kutipan data berikut menceritakan sikap tamak tikus yang ingin menjadi kaya raya dengan cara mencuri duit kepunyaan pemilik rumah. Hal demikian ekoran daripada kemiskinan yang dialami tikus sehingga mengakibatkan sahabat-sahabat yang selama ini bergantung padanya lari meninggalkannya. Tikus beranggapan bahawa kemiskinan sebagai punca ia kehilangan sahabat dengan berkata: "وَوَجَدْتُ الْفَقْرَ رَأْسَ كُلِّ بَلَاءٍ" (Al-Muqaffa, n.d.). Sikap tamak ini akhirnya telah menyebabkan tikus dicerderakan sehingga pengsan.

"...فَطَمِعْتُ أَنْ أُصِيبَ مِنْهَا شَيْئًا فَأَرَدْتُه إِلَى جُحْرِي، وَرَجَوْتُ أَنْ يَزِيدَ ذَلِكَ فِي قُوَّتِي، وَيُرَاجِعَنِي بِسَبَبِهِ بَعْضَ أَصْدِقَائِي."

"Aku berkeinginan mendapatkan sesuatu (dinar) untuk kubawa ke lubangku, dan aku berharap (dengan kekayaan itu) akan bertambah kekuatanku, dan dengannya sahabat-sahabatku akan kembali mendampingiku". (D11L4 ms 182)

Menerusi peristiwa ini pengarang mengingatkan pembaca supaya menjauhi sifat tamak dan haloba (الحرص والشره) sebaliknya hidup besederhana dan tidak berlebih-lebihan. Menyedari bahawa kekayaan banyak menimbulkan bencana merupakan cara untuk menghindari sifat tamak dan haloba (Al-Ghazali, n.d.) Selain itu, mengurangkan ketamakan dan kerakusan (قِلَّةُ الطَّمَعِ) boleh dilakukan dengan mengamalkan nilai kesederhanaan dalam kehidupan serta redha (القَنَاعَةُ) dengan rezeki ketentuan dari Allah Taala.

Al-'Adlu (Keadilan)

Al-'Adlu (keadilan) adalah kekuatan jiwa untuk mengekang kemarahan dan nafsu syahwat dengan dipimpin oleh akal dan syarak serta bersesuaian dalam mencapai *al-Hikmah* (Al-Ghazali, n.d.). Kekuatan ini akan mendorong individu ke arah mencapai keselamatan, keharmonian, ketenteraman, dan kebahagiaan. Analisis terhadap elemen *al-'Adlu* (Keadilan) dalam kisah menemukan beberapa katogeri tema yang mengandungi nilai murni. Tema-tema tersebut adalah seperti; i) tidak bersikap pilih kasih atau berat sebelah, ii) mempertimbang sesuatu dengan saksama dan iii) meletakkan sesuatu pada tempatnya.

i) Tidak bersikap pilih kasih atau berat sebelah

Elemen *al-'Adlu* digambarkan dalam perbualan antara *Dimnah* dan raja singa. Raja singa cuba untuk berlaku adil terhadap tuduhan *Dimnah* ke atas *Syatrabah*. Dalam situasi ini, baginda berusaha mendorong nafsunya secara adil untuk mengelakkan permusuhan dengan *Syatrabah*. Baginda bukan sahaja menggambarkan *Syatrabah* sebagai individu yang sentiasa mengajak kepada kebaikan, malah menafikan kesanggupan *Syatrabah* untuk memperdaya dan membinasakan dirinya.

قَالَ الْأَسَدُ: "قَدْ فَهِمْتُ ذَلِكَ. وَلَا أَظُنُّ النَّوْرَ يَعْشِنِي وَ يَرْجُو لِي الْعَوَائِلَ. وَكَيْفَ يَفْعَلُ ذَلِكَ وَلَمْ يَرَ مِنِّي سُوءًا قَطُّ؟ وَلَمْ أَدْعُ خَيْرًا إِلَّا فَعَلْتُهُ مَعَهُ؟"

Singa berkata: "Aku memahami (penjelasanmu) itu. (Namun), aku tidak percaya bahawa lembu jantan (Syatrabah) memperdayaku dan ingin membinasakanku. Bagaimana dia akan melakukan itu, sedangkan aku langsung tidak pernah melihatnya melakukan kejahatan?. Dan aku tidak pernah mengajak kebaikan kecuali dia ikut melakukannya bersamaku?". (D1L6 ms 131)

Menerusi data di atas, pengarang ingin menentengahkan nilai optimis dan berkata dengan perkataan yang baik bagi mengekalkan keharmonian hidup sesama insan. Optimisme adalah sikap bersangka baik terhadap perkara yang bakal terjadi di samping mengharap pertolongan dan inayah daripada Allah s.w.t. (N. Zakaria, Raus, & Hassan, 2010).

Sebagaimana yang dipetik oleh Al-Qasimi (2006); dalam membina akhlak yang luhur seperti yang dianjurkan oleh Rasul SAW, setiap mukmin harus sentiasa berkata baik (Al-Qasimi, 2006);

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكَلِّمْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

"Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia berkata yang baik atau berdiam diri".
(Bukhari dan Muslim)

ii) Mempertimbang sesuatu dengan saksama

Seterusnya, kutipan data berikut menunjukkan pertikaian yang cuba dicetuskan oleh *Dimnah* berhubung kewibawaan dan keupayaan raja dan barisan para hakim dalam soal kehakiman dan keadilan. Menurut *Dimnah* keadilan tidak mungkin dapat ditegakkan jika dikendalikan oleh hakim atau pemimpin yang tidak adil.

قَالَ دِمْنَةَ: "أَرَأَيْكَ أَيُّهَا الْقَاضِي، لَمْ تَتَعَوَّدَ الْعَدْلَ فِي الْقَضَاءِ، وَلَيْسَ فِي عَدْلِ الْمَلُوكِ دَفْعُ الْمَظْلُومِينَ وَمَنْ لَا ذَنْبَ لَهُ إِلَى قَاضٍ غَيْرِ عَادِلٍ، بَلِ الْمُخَاصِمَةُ عَنْهُمْ وَالِدُودٌ. فَكَيْفَ تَرَى أَنْ أَقْتَلَ وَلَمْ أُخَاصِمْ؟".

Dimnah berkata: "Wahai Tuan Hakim, aku melihatmu seperti tidak biasa mengadili soal kehakiman, dan betapa tidak sepatutnya seorang raja yang adil menyerahkan orang yang dizalimi dan sesiapa yang tidak berdosa kepada hakim yang tidak adil untuk mengadili, sebaliknya memusuhi dan tidak mempertahankan mereka. Bagaimana anda (sanggup) melihatku dibunuh tanpa pernah aku memusuhi (sesiapa)?". (D3L9 ms 169)

Adalah menjadi kewajipan kepada para hakim atau pemimpin untuk mengadili dan mempertimbang secara adil dan telus apa sahaja keputusan yang dibuat agar hak rakyat terbela dan dapat hidup dalam keadaan selamat, aman dan sejahtera.

iii) Meletakkan sesuatu pada tempatnya

Watak merpati *al-Mutawwaqah* diperlihatkan sebagai individu yang sentiasa memelihara hubungan silaturrahim dalam kalangan sahabatnya. Rasa cinta dan kasih yang mendalam dalam diri *al-Mutawwaqah* telah menundukkan keinginan diri secara adil mengikut kehendak akal dan syarak. Keadaan ini telah mencetuskan nilai pemurah sehingga sanggup mengutamakan orang lain berbanding diri sendiri. *Al-Mutawwaqah* tidak bimbang keadaan dirinya sendiri yang masih terperangkap di dalam jerat. Beliau sebaliknya lebih mementingkan keselamatan sahabat-sahabatnya. Buktinya, *al-Mutawwaqah* mengarahkan *Zairaka* membebaskan terlebih dahulu sahabat-sahabatnya dengan memutuskan jerat yang membelenggu mereka sebelum membebaskan dirinya.

فَقَالَتْ لَهُ الْمُطَوِّقَةُ: "أَبْدَأْ بِقَطْعِ عَقْدِ سَائِرِ الْخَمَامِ، وَبَعْدَ ذَلِكَ أَقْبِلْ عَلَيَّ عَقْدِي...".

Al-Mutawwaqah berkata kepadanya (*Zairaka*): "Mulalah dengan memotong jerat (yang mengikat) sahabat-sahabatku merpati, dan kemudian diikuti dengan memotong jerat pada diriku..". (D5L5 ms 175)

Sikap mengutamakan orang lain merupakan setinggi-tinggi tahap 'pemurah' dan merupakan sifat Rasul SAW sehingga Baginda digelar dengan gelaran *Al-'Azim* (memiliki budi pekerti yang agung) (Al-Qasimi, 2006).

Elemen *al-Adlu* juga berkait rapat dengan watak *Rumi* dan *Faridun*. Meskipun saling bermusuhan sebelum ini, namun mereka mengambil keputusan untuk mengawal diri dari mencetuskan perselisihan dan meletakkan situasi yang dihadapi sebagai keutamaan. Kesepakatan yang diambil bertujuan untuk menjamin keselamatan masing-masing. Menurut Al-Ghazali, kekuatan jiwa mengekang nafsu dan kemarahan secara adil mendorong individu ke arah mencapai keselamatan dan ketenteraman hidup (Al-Qasimi, 2006). Kutipan data di bawah merupakan perbualan antara *Rumi* dan *Faridun*. Nilai toleransi tersingkap apabila mereka mencapai kata sepakat untuk berdamai dan saling membantu bagi melepaskan diri dari kesusahan yang sedang dihadapi.

قَالَ لَهُ: "إِنَّ قَوْلَكَ هَذَا لِشَيْبَةِ بِالْحَقِّ، وَأَنَا أَيْضًا رَاغِبٌ فِيمَا أَرْجُو لَكَ وَلِنَفْسِي بِهِ الْخَلَّاصَ".

(Rumi) berkata kepadanya (Faridun): “Sesungguhnya kata-katamu ini benar, dan aku juga memerlukan (bantuan) dengannya aku berharap kamu dan diriku sendiri akan bebas (terlepas dari kesusahan)”. (D6L7 ms 228)

Menerusi jalan cerita ini, pengarang mengetengahkan nilai bertoleransi dengan berusaha memaafkan insan lain. Kesediaan Rumi dan Faridun untuk saling memaafi diperlihatkan apabila masing-masing bersedia melupakan permusuhan yang tercetus di antara mereka selama ini. Sesungguhnya saling bermaafan antara manusia merupakan nilai yang sangat tinggi kedudukannya di sisi Allah Taala sebagaimana firman Allah yang berbunyi;

وَأَنْ تَعْفُوا أَقْرَبُ لِلتَّقْوَى

Ertinya: *Bermaaf-maafan itu lebih hampir kepada takwa.* (Surah Al-Baqarah:237)

KESIMPULAN

Hasil penelitian yang dijalankan menyimpulkan bahawa pendekatan dalam pembinaan akhlak insan seperti yang diperkenalkan oleh Al-Imam Al-Ghazali r.a dapat dijadikan acuan dalam mengenalpasti aspek nilai murni yang tersurat di dalam sesebuah karya sastera. Menerusi analisis terhadap kitab *Kalilah Wa Dimnah*, berbagai tema yang mengandungi nilai murni diklasifikasi berpandukan empat elemen penting iaitu *al-Hikmah* (kebijaksanaan), *al-Syaja'ah* (keberanian), *al-Iffah* (kesucian) dan *al-'Adlu* (keadilan).

Kategori tema yang dibentuk berdasarkan elemen *al-Hikmah* menghasilkan pelbagai aspek nilai murni sebagaimana yang diringkaskan seperti berikut;

- i) Ketajaman akal fikiran (تَقَابَةُ الرَّأْيِ), dan jangkaan yang tepat (إِصَابَةُ الظَّن) menghasilkan **nilai rasional**.
- ii) Berfikiran bernas (جُودَةُ الذَّهْنِ) melahirkan individu yang berupaya menghadapi dan menangani permasalahan dengan **fikiran yang bijak**.
- iii) Keupayaan mengatur dan merancang (حُسْنُ التَّنْظِيرِ) dengan baik melahirkan individu yang memiliki **nilai bertanggungjawab, nilai kerajinan, sanggup berkorban** dan berupaya **memelihara keselamatan** diri skonsistenerta rakyat.
- iv) Keupayaan menjauhi penipuan dan muslihat (الْمَكْرُ وَالْجَرِيْزَةُ) melahirkan **nilai kesyukuran, nilai ketaatan dan nilai kejujuran**.

Analisis ke atas elemen *al-Saja'ah* pula menghasilkan tema yang mengandungi nilai murni seperti berikut;

- i) Keberanian mengalahkan musuh (النَّجْدَةُ) melahirkan individu yang **sanggup berkorban** dan memiliki **nilai amanah**.
- ii) Saling mengasihani (التَّوَدُّدُ) melahirkan **nilai perihatin, nilai Istiqamah dan nilai keikhlasan**.
- iii) Menjauhi sifat bangga diri, sombong dan takbur (الْبِدْحُ وَالتَّكْبِرُ) melahirkan **nilai kesederhanaan**.
- iv) Menjauhi emosi dan kemarahan (الاستنشاطَةُ) melahirkan **nilai kesabaran, nilai berkasih sayang, nilai menghormati, nilai patriotik, nilai semangat berpasukan** dan memiliki **nilai redha atau qanaah**.
- v) Mengelakkan tindakan menyerang tanpa usul periksa (التَهْوُّرُ) melahirkan **nilai kesabaran dan nilai rasional**.

Analisis dari elemen *al-Iffah* pula menghasilkan tema dengan nilai murni seperti;

- i) Saling bantu-membantu (المُسَاعَدَةُ) mencetuskan **nilai setiakawan dan nilai saling menghargai**.
- ii) Menjauhi sifat tamak dan haloba (الحرص والشهه) melahirkan **nilai kesederhanaan**.
- iii) Wara' dan menjauhi perkara sia-sia (الورع), menjauhi hasad dengki (الحسد) dan menjauhi perasaan *Al-Syamaatah* (الشماتة) melahirkan **nilai kesyukuran**.

Penerapan nilai murni melalui elemen *al-'Adlu* pula dijelaskan seperti berikut;

- i) Tidak bersikap pilih kasih atau berat sebelah mencetuskan **nilai optimis**.
- ii) Mempertimbangkan sesuatu dengan saksama membentuk **pertimbangan yang baik** serta **menepati hak individu lain**.
- iii) Meletakkan sesuatu sesuai pada tempatnya mencetuskan **nilai kasih-sayang, nilai bermurah hati** dan **nilai toleransi**.

Aspek nilai murni yang dapat diketengahkan menerusi kajian analisis ini berupaya menegenahkan peranan kitab *Kalilah Wa Dimnah*; sebuah prosa klasik Arab berbentuk *Al-Qissah* dengan tema haiwan sebagai 'medium' untuk membentuk akhlak mulia. Kepelbagaian nilai murni yang cuba diterapkan berupaya memberi impak dalam mendidik jiwa pembaca. Hasil analisis mampu menyediakan maklumat ke arah memartabatkan peranan sastera Arab, menerusi pembentukan jati diri muslim yang sebenar; khususnya dalam rangka mewujudkan nilai kebaikan hidup bermasyarakat khususnya di Malaysia. Di samping itu, usaha memanfaatkan karya sastera seperti kitab *Kalilah Wa Dimnah* diharap menjadi pendorong kepada golongan karyawan lain untuk terus giat meningkatkan kualiti penulisan mereka dalam rangka mendidik jiwa pembaca dan membentuk nilai insan yang lebih baik menerusi karya yang dihasilkan.

RUJUKAN

Ahmad Shalabi. (1970). *Al-Tarikh al-Islami Wa al-Hadharah al-Islamiyyah* (Jil 3 Ed. ke-4). Maktabah al-Nahdhah al-Misriyyah, Qaherah. 246pp.

Al-Fakhuri, H. (1991). *Al-Mujiz fi al-Adab al-Arabi wa Tarikhihi* (Jil 2). Dar al-Jil, Beirut.

Al-Ghazali, A. H. M.(n.d.). *Ihya Ulum al Din* (Jil 3). Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut, Lubnan.

Al-Halu, S. N. A. (2006). Hikayah al-Hayawan Fi al-Nathri al- Arabiy Fi al-Khamis al-Hijri. PhD Thesis, Urduniyyah University, The Hashemite Kingdom of Jordan.

Al-Hayik, A. K. (1990). *Al-Qiyam Fi Qisasi al-Atfal al-Urduniyyah*. MA Thesis, Yarmouk University, The Hashemite Kingdom Of Jordan.

Al-Hurr, A. M. (1992). *Ibn al-Rumi: Asruhu-Hayatuhu-Nafsiyyatuhu- Fannuhu Min Khilali Shi'rihi*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.

Al-Muqaffa, A. I. (n.d.). *Kitab Kalilah Wa Dimnah*. Al-Maktabah Al-Thaqafiyah, Beirut. 246pp.

Al-Qasimi, M. J. (2006). *Mau'izah al-Mukminin Min Ihya' Ulum al-Din: Intipati Ihya' Ulumuddin: Pengajaran Bagi Orang-Orang Mukmin Imam al-Ghazali*. (Abu Hasan Din Al-Hafiz, Ed.) (Ed. ke-1). Darul Fajar, Kuala Lumpur.

Al-Rafie, Mustafa. (1968). *Hadharah al-Arab fi al-Usur al-Islamiyyah al-Zahirah* (Ed. ke-2). Dar al-Kitab al-Lubnani, Beirut.

Al-Subayel, W. I. (2007). Animal Fables between " Panchatantra (Kalila wa Dimna)" and " Tales of Aesop "-A Literary Study. Phd Thesis, Al-Imam Muhammad Ibn Saud Islamic University, Kingdom of Saudi Arabia.

- Al-Thubaity, N. (2006). *Tanawwu' al-Ada'i al-Balaghi Fi Adabi Ibn al-Muqaffa*. MA Thesis, Ummu Al-Qura University, Kingdom of Saudi Arabia.
- Al-Zayyat, Ahmad Hassan. (1999). *Tarikh al-Adab al-Arabi* (Ed. ke-5). Dar al-Ma'rifah, Beirut.
- Arifin, F. R. (2012). *Konsep dan Metode Pendidikan Akhlak dalam Lingkungan Keluarga Perspektif Imam al Ghazali*. UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia.
- Barakat, F.S. (2010). *Mada Tawafir al-Qiam Fi Ainat Min Qisasi al-Atfal Fi Suriyyah*. *Majallat Jamiah Dimasyq- Kulliyat Tarbiah* **26(3)**: 193-234pp.
- Berten, K. (2002). *Etika*. Gramedia Pustaka Utama, Jakarta. **ISBN 979-5117-44-0**. 142-147pp.
- Denys Johnson-Davies. (2003). *Talking to the animals*. *Al-Ahram* **643**.
- Habib, M. Y. (2007). *Qishah Qashirah Al-Qird Wa Ghilam Fi Kitaab Kalilah Wa Dimnah Li Abdullah Ibn Muqaffa Wa Anaasiruha Al-Dakhiliyyah*. <http://www.repository.uinjkt.html>
- Hancock, Z. D. (2004). *The Spanish Shahrazd And Her Entourage: The Powers Of Storytelling Women In Libro De Los Engaños De Las Mujeres*. PhD Thesis, University of Maryland.
- Ismail, Dj. (1998). *Hikayat Kalilah Wa Dimnah*. Balai Pustaka, Jakarta.
- Iwadh, A. (1982) *Dirasah Tahliliyyah Li al-Qiami al-Saidah Fi Qisasi al-Athfal al-Maujudah Min Qibali Kitab Urubiyin Fi al-Muddah Ma Baina 1950-1980*.
- Jasul, A. (2000). *Kalilah Wa Dimnah Li Ibn Muqaffa' Wa Ma Fiha Min Balaghati Al-Tasybih*.
- Kamil, S. (2008). *Sejarah Prosa Imajinatif (Novel) Arab dari Klasik Hingga Kontemporer*. *Jurnal Ilmu Bahasa Dan Sastra LINGUA* **3(2)**:36-67pp.
- Khalid, O. (1989). *Kesusasteraan Arab di zaman Abbasiyyah, Andalus dan zaman Moden*. Darul Nadwah Muadzam Shah. Malaysia.
- Lunde, P. (1972). *Saudi Aramco World Kalila Wa Dimna*. *Jurnal Saudi Aramco World*, **23(4)**, 18–21pp.
- Mahmood, M. H. (1988). *Krisis Tamadun Barat Dan Penyelesaian Islam* (Ed. ke-1). Darul Nadwah, Muadzam Shah, Malaysia.
- Majid, A.L., Abdullah, W.N.W., Zakhi, N.H.A (2012). *Penerapan Nilai Murni Dan Pembentukan Jati Diri Kanak-kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia*. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012): 51-65pp.
- Marroum, M. (2011). *Kalila Wa Dimna: Inception, Appropriation and Transmimemis*. *Comparative Literature Studies* **48(4)**: 512-540pp.
- Najjad, R. A. (1967). *Kalilah Wa Dimnah Wa Anwar Al Suhaili: Dirasah Muqoranah*. MA Thesis, University Al-Amerikiyyah, Beirut, Lubnan.

- Nurhasma, M. S. (2012). Fungsi Cerita Binatang Dalam Sastera Kanak-Kanak Melayu-Arab. In: *Proceedings Language And Culture: Creating And Fostering Global Communities UKM*. 6-6 May 2009, Putrajaya, Malaysia. 335-345pp.
- Radzi, M. (2008). Kalilah Wa Dimnah Dari Sudut Pandangan Teori Persuratan Baharu, <http://www.kalilah-wa-dimnah.html>, retrieved 4 May 2010.
- Roziah, S. (2012). Relevance Factor of Islamic Sciences Excellence Towards Muslim. *Jurnal Al-Tamaddun*, **7(1)**:1–13pp.
- Yulianingrum, A. (2000). Perbandingan Alur Kalilah Wa Dimnah versi Arab dan versi Melayu. MA Thesis, Universitas Indonesia, Depok.
- Zakaria, K. (2012). Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam al-Ghazali : Aplikasinya dalam Program Tarbiah Sekolah-sekolah Menengah Aliran Agama Berasrama di Negeri Kedah. *Jurnal Atikan* **2(1)**:79-94pp.
- Zakaria, N., Raus, N. M., & Hassan, S. N. S. (2010). Pemikiran Optimis menurut warisan Nabawi. Presented at *Seminar Warisan Nabawi 2010*. 28-29 Julai 2010, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia. 1-19pp.